

11 OCT 1996

Umno-MT

MUNGKINKAH TOKOH YANG GAGAL DILANTIK KE MAJLIS TERTINGGI?

Oleh: Azman Ujang

KUALA LUMPUR, 11 Okt (Bernama) -- Pemilihan Umno yang berakhir semalam menyaksikan kegagalan sebilangan tokoh daripada disenaraikan dalam Majlis Tertinggi (MT) parti itu.

MT selalunya dikuasai menteri-menteri, Menteri Besar atau Ketua Menteri dan Timbalan Menteri.

Bagaimanapun, pada kali ini lima menteri Kabinet -- Datuk Seri Rafidah Aziz, Datuk Syed Hamid Albar, Tan Sri Muhyiddin Yassin, Datuk Annuar Musa dan Datuk Sabbaruddin Chik -- kecundang pada pemilihan itu.

Dua Menteri Besar -- Tan Sri Ramli Ngah Talib (Perak) dan Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad (Negeri Sembilan) -- juga menerima nasib yang sama manakala Menteri Besar Kedah Datuk Seri Sanusi Junid tidak bertanding sebarang jawatan.

Persoalan yang timbul sekarang ialah siapa di kalangan mereka akan dilantik ke MT oleh Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mempunyai tempat yang terhad untuk diagihkan.

Presiden boleh melantik 10 anggota biasa ke MT, badan pembuat dasar tertinggi parti, kepada 25 anggota yang dipilih oleh para perwakilan pada pemilihan tiga tahun sekali itu.

Selain itu, beliau juga melantik setiausaha agung, bendahari dan ketua penerangan parti.

Rafidah, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, dikalahkan oleh Timbalan Menteri Kesihatan Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman sebagai Ketua Wanita Umno pada pemilihan pergerakan wanita Rabu lalu.

Pada hari yang sama, Menteri Pembangunan Luar Bandar Annuar dan Isa gagal dalam percubaan mereka untuk merebut jawatan Ketua Pemuda yang dimenangi anggota Parlimen Bagan Datoh Datuk Ahmad Zahid Hamidi.

Menteri Pertahanan Syed Hamid, Menteri Belia dan Sukan Muhyiddin dan Ramli semalam tewas dalam perebutan untuk jawatan naib presiden, manakala Sabbaruddin, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dan anggota MT selama empat penggal, gagal dipilih semula.

Mengikut lazimnya, menteri besar atau ketua menteri dari Umno dilantik ke MT jika mereka tewas dalam pemilihan, berdasarkan sifat mereka sebagai pengerusi Badan Perhubungan Umno di negeri masing-masing.

Isa merupakan menteri besar tunggal yang tewas pada pemilihan parti pada tahun 1993 apabila beliau dikalahkan oleh Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik bagi jawatan Ketua Pemuda Umno dan seterusnya dilantik ke MT.

Dr Mahathir juga melantik dua calon naib presiden yang kalah pada pertandingan 1993, Datuk Abdullah Ahmad Badawi dan Sanusi, ke MT.

Anggota lain yang dilantik ialah Datuk Dr Affifudin Omar, Datuk Dr Kamal Salih, Datuk Osu Haji Sukam, Datuk Ibrahim Ali, Datuk Nazri Aziz, Ahmad Shahibuddin Mohd Nor dan Hassan Harun.

Jika tradisi itu dikekalkan, Isa dan Ramli mempunyai peluang terbaik untuk dilantik ke MT bersama-sama dengan Sanusi, yang menjadi Menteri Besar empat bulan lalu.

Para penganalisis berkata kedudukan menteri-menteri Kabinet yang kalah tidak jelas memandangkan ini merupakan kali pertama begitu banyak di kalangan mereka gagal dalam pemilihan itu.

"Ia terpulang kepada presiden parti tetapi dengan begitu ramai menteri yang kalah, mereka tidak boleh mengharap untuk dilantik secara automatik," kata seorang penganalisis.

Sementara itu, pengerusi Dewan Perniagaan dan Industri Melayu Kuala

Lumpur Datuk Moehamad Izat Emir hari ini menggesa Dr Mahathir supaya melantik seorang atau dua wakil daripada sektor korporat ke MT.

Beliau berkata ini perlu kerana tidak ada di antara tujuh tokoh korporat yang bertanding bagi kerusi MT beroleh kejayaan.

Tujuh calon itu termasuk Tengku Datuk Adnan Mansor, yang merupakan tokoh korporat tunggal yang dipilih ke MT pada tahun 1993. Calon lain ialah Datuk Dr Kamal Salih, Datuk Radzi Manan, Datuk Khalid Ibrahim, Datuk Hanifah Noordin, Datuk Azrat Gull Amirzat Gull dan Kamal Hussein.

Izat berkata: "Dewan Perniagaan kecewa kerana tidak ada di antara mereka dipilih tetapi saya berpendapat ini disebabkan mereka tidak begitu aktif dalam politik terutama di peringkat cawangan atau bahagian."

Beliau juga berkata presiden Dewan Perniagaan dan Industri Malaysia Tan Sri Yahya Ahmad, yang menguasai kumpulan DRB-Hicom, adalah calon yang paling sesuai untuk dilantik ke MT daripada sektor swasta. -- BERNAMA

AU CTL AKD